

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI (ALOR SETAR)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pembinaan *Littoral Combatant Ship* :-

- (a) sama ada Kerajaan akan menyelamatkan projek ini yang kini dalam fasa pembinaan keenam; dan
- (b) bilakah laporan audit berkenaan projek ini akan dibentang.

**JAWAPAN**

Kerajaan pastinya hendak menyelamatkan pembinaan Projek *Littoral Combatant Ship* (LCS) yang telahpun memakan belanja melebihi RM6 bilion sehingga kini. Kementerian Pertahanan telah menyediakan Memorandum Jemaah Menteri untuk dibawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri bagi diputuskan hala tuju projek ini.

Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan pengauditan terhadap Arahan Pembayaran Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2019 bagi projek Perolehan Enam (6) buah Kapal Peronda Generasi Kedua *Littoral Combatant Ship* (LCS) dan pemerhatian audit telah dikeluarkan pada 10 Januari 2020. Kesemua pemerhatian telah diberikan maklum balas oleh Kementerian Pertahanan dan *Confirmatory Letter* (CL) juga telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Audit Negara.

Terima kasih.